

# Pakej rangsang industri automotif

**K**UALA LUMPUR: Skim pelupusan kereta Proton dan Perodua yang diumumkan kerajaan semalam bakal merangsang jualan kereta keluaran tempatan menerusi penggalakan penukaran kereta lama dengan kereta baru keluaran tempatan.

Di bawah skim berkenaan, pemilik sebarang jenama kereta yang ingin melupuskan kereta mereka yang berusia 10 tahun atau lebih, akan menerima diskaun bernilai RM5,000 ringgit untuk membeli kereta baru.

Kerajaan akan membiayai sebahagian daripada diskaun yang ditanggung oleh Proton dan Perodua.

Pengerusi Proton Holdings Bhd, Datuk Mohd Nadzmi Saleh, berkata cadangan skim pelupusan kereta yang diperkenalkan dapat membantu merangsang jualan kereta dan meningkatkan semula industri automotif tempatan yang kini sedang berdepan jualan yang merudum.

Nadzmi berkata, skim pelupusan diumumkan itu sememangnya disasarkan un-

tuk merangsang jualan kereta keluaran tempatan dan tepat pada masanya.

"Sebagai peserta industri, kami memerlukan bantuan kerajaan ketika tempoh sukar ini bagi memastikan hayatnya kerana hampir 200,000 orang terbabit secara langsung atau tidak langsung dengan industri automotif di negara ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Proton, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, berkata Proton sudah memperkenalkan skim sama yang dipanggil XChange pada 2007, membolehkan pelanggannya menukar kereta lama mereka dengan diskaun RM5,000 ke atas pembelian kereta Proton seperti Gen.2, Perdana dan Satria Neo.

Katanya, setakat ini Proton mengeluarkan hampir 2,700 baucar menerusi skim berkenaan yang mana sebaik saja ia dipulangkan menerusi skim terbabit ia akan dilupuskan dan ditarik pendaftaran.

"Kami menyedari skim seperti itu akan memberi man-

faat kepada banyak pihak dan menjadi alat penting dalam 'ekosistem' automotif yang mana ia akan membantu industri melupuskan kereta lama dengan lebih cekap selain melindungi alam sekitar," katanya.

Beliau menjelaskan, syarat kelayakan skim ini ialah kereta itu perlu didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Semenanjung dan masih berfungsi dan boleh digunakan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), Datuk Syed Hafiz Syed Abu Bakar, berkata skim berkenaan yang dijangka berkuat kuasa pada 1 April ini, bakal menjana kesinambungan hayat kepada industri automotif tempatan daripada terus mengalami kejatuhan jualan tahun ini.

Ketika ini sejumlah 4.8 juta unit kenderaan pelbagai jenama yang melebihi 10 tahun berada di atas jalan dan daripada jumlah itu 300,000 unit adalah kenderaan Perodua, manakala 900,000 adalah da-

ripada Proton.

Bagi memastikan skim ini dilaksanakan sepenuhnya pada 1 April ini, Syed Hafiz berkata, Perodua akan memulakan perbincangan dengan beberapa syarikat, seperti UEM Group yang bakal menjadi vendor kepada aktiviti pelupusan kereta.

Yang Dipertua Persatuan Pengimport Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pe-kema), Datuk Abd Hamid Ibrahim, berkata langkah pemberian diskaun itu memberi kelebihan kepada pengguna yang membeli kereta terpakai dan kemudian menjualnya semula bagi mendapatkan kereta Proton atau Perodua baru.

Bagaimanapun, Abd Hamid turut menyarankan kerajaan mempertimbangkan untuk tidak melupuskan kenderaan yang masih boleh digunakan, sebaliknya menjualnya kepada golongan berpendapatan rendah khususnya mereka yang tinggal di pedalaman dan tidak mempunyai kemudahan pengangkutan yang baik.